






LAPORAN SUKUAN-4 20 25



YAYASAN ISLAM
DARUL EHSAN

YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN



ISI KANDUNGAN

1.0	KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM PULAU INDAH	1	4.0	LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT	26
1.1	Pengenalan	2	4.1	Siaran Langung YIDE Di TV3 & TV Al-Hijrah	27
1.2	Perincian Kos Pembangunan	3	4.2	Aktiviti Dakwah YIDE	29
1.3	Ringkasan Kemajuan Projek	4	4.3	Jalanan Strategik & Aktiviti	31
1.4	Progres Pembinaan Kompleks	5			
2.0	PUSAT DIALISIS LZS-YIDE PUNCAK PERDANA	8	5.0	LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS	34
2.1	Pengenalan	9	5.1	Pengenalan	35
2.2	Ringkasan Kemajuan Projek	10	5.2	Cawangan Dialisis MAIS	36
2.3	Progres Pembinaan Kompleks	11	5.3	Statistik Pesakit Dialisis	37
			5.4	Lawatan Pakar Nefrologi & Doktor Perubatan	38
3.0	LAPORAN BAHAGIAN KEBAJIKAN	12	5.5	Jalanan Strategik & Aktiviti	39
3.1	Anak Yatim	13	6.0	LAPORAN BAHAGIAN AUDIT DALAMAN, RISIKO & INTEGRITI	40
3.1.1	Statistik Anak Yatim YIDE	13			
3.1.2	Aktiviti & Sumbangan Kepada Anak Yatim	15	6.1	Jalanan Strategik & Aktiviti	41
3.2	Bantuan Musibah	17	7.0	AKAUN SUMBANGAN YIDE	43
3.2.1	Statistik Penerima Manfaat	18			
3.2.2	Penerima Sumbangan Musibah/Bencana	20			

1.0


KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM PULAU INDAH

1.1 Pengenalan

1.2 Perincian Kos Pembangunan

1.3 Ringkasan Kemajuan Projek

1.4 Progres Pembinaan Kompleks



1.1 PENGENALAN

PEMBINAAN KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM



Selain dari menitikberatkan pada kelangsungan dan kesejahteraan kebajikan anak-anak yatim individu, YIDE telah mengorak langkah untuk membangunkan dan menguruskan sebuah kompleks anak yatim sendiri sebagai Pusat Kecemerlangan Anak Yatim

Pada 19 Ogos 2019 yang lalu D.Y.T.M Raja Muda Selangor telah berkenan menyempurnakan cadangan Pembangunan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah dan melancarkan tabung wakaf khas bagi tujuan ini demi merealisasikan pembangunan kompleks ini agar dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Pembangunan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah ini dibangunkan di atas tanah yang diwakafkan oleh Central Spectrum (M) Sdn. Bhd. seluas 3.47 ekar dan sumbangan wakaf sebanyak RM5 juta.

Kompleks Asrama Anak Yatim YIDE yang dijangka siap pada suku kedua 2026 bakal menampung seramai 108 anak yatim lelaki pada satu-satu masa, dilengkapi dengan blok asrama, dewan serbaguna, surau, arena kiosk dan taman permainan berkonsepkan Islamik Kontemporari. Dengan kos pembangunan sebanyak RM17 juta, kompleks ini dihasratkan sebagai sebuah Centre of Excellence dalam pembangunan holistik anak yatim di Negeri Selangor, yang mengintegrasikan kecemerlangan akademik, pembentukan rohani, pemerksaan sahsiah serta pembangunan kepimpinan berteraskan nilai Islam. YIDE akan memulakan pemilihan anak-anak yatim dari seluruh daerah Selangor pada pertengahan tahun 2026, melibatkan pelajar lelaki Tingkatan 1 hingga 3 yang berpotensi mencapai kecemerlangan pendidikan serta dibentuk dengan akhlak mulia dan sahsiah terpuji. Para pelajar terpilih akan menghuni kompleks ini dan memulakan sesi persekolahan pada Januari 2027 sebagai kumpulan pertama program pembangunan rohani dan pendidikan berasrama di bawah YIDE. Setelah tamat pengajian dan keluar daripada kompleks asrama anak yatim ini, mereka diharapkan mampu memberi semula sumbangan kepada komuniti, khususnya dengan membantu dan membimbing anak-anak yatim yang lain sebagai kesinambungan ekosistem kebajikan, pendidikan dan kecemerlangan.

Anggaran Kos Projek

RM17 Juta

Tarikh Jangkaan Siap:
29 Januari 2026



Dana
Diperolehi

RM14 Juta

Baki yang
diperlukan

RM3 Juta

Kemaskini sehingga 31 Disember 2025



1.2 PERINCIAN KOS PEMBANGUNAN

PERINCIAN KOS PEMBANGUNAN STRUKTUR FASILITI UTAMA



ASRAMA

RM5,260,631.00



SURAU

RM2,097,766.00



DEWAN SERBAGUNA

RM3,385,987.80



ARENA KIOSK

RM673,727.10

PERINCIAN KOS PEMBANGUNAN FASILITI SEKUNDER

INFRASTRUKTUR

RM3,857,906.10

LANSKAP

RM449,836.50

PINTU PAGAR

RM71,035.40

PONDOK PENGAWAL

RM61,499.80

GAZEBO

RM34,350.00

TAMAN PERMAINAN

RM30,914.30

PERABOT DAN KELENGKAPAN INTERIOR

RM736,455.00

1.3 RINGKASAN KEMAJUAN PROJEK

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Kos Pembangunan	RM 16,000,000.00
2.	Kos Perabot & Kelengkapan	RM 1,000,000.00
	Jumlah Keseluruhan Kos Pembangunan	RM 17,000,000.00
	Jumlah Kutipan Dana Semasa	RM 14,000,000.00
	Jumlah Perbelanjaan Semasa (Perundingan + Kontraktor)	RM 8,747,808.57

Baki Dana yang diperlukan untuk KESELURUHAN KOS PEMBANGUNAN

RM 3,000,000.00



Kemaskini sehingga 31 Disember 2025

1.4 PROGRES PEMBINAAN KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM PULAU INDAH

Setakat 31 Disember 2025

LOKASI KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM PULAU INDAH

PT 161557, Persiaran Pulau Lumut
Taman Laguna Pulau Indah,
Klang Selangor Darul Ehsan

Setakat 31 Disember 2025, **keseluruhan** progres fasiliti-fasiliti kompleks telah mencapai sebanyak **85%**.

BLOK ASRAMA



Blok Asrama KAYPI menyediakan penginapan yang selesa dan selamat kepada **108** orang anak yatim, lengkap dengan kemudahan sokongan merangkumi **kelas ulang kaji, bilik IT, perpustakaan, bilik aktiviti, sick bay, dewan makan, pejabat pentadbiran serta pondok pengawal keselamatan**. Persekitaran bersepadu ini diwujudkan bagi menyokong pembentukan kecemerlangan akademik, sahsiah dan kesejahteraan penghuni secara holistik dan berterusan.

SURAU



Surau KAYPI direka untuk memuatkan sehingga **200** orang jemaah dan bakal berfungsi sebagai pusat ibadah pelajar serta dibuka kepada masyarakat setempat. Surau ini akan mengimarahkan pelbagai **aktiviti keagamaan** dan **pengisian kerohanian**, sekali gus menyokong pembentukan sahsiah, akhlak mulia dan penghayatan Islam secara berterusan.

DEWAN SERBAGUNA




Dewan Serbaguna KAYPI direka untuk memuatkan sehingga **500** orang dan bakal menjadi pusat pelaksanaan pelbagai aktiviti berimpak tinggi. Dewan ini akan dimanfaatkan bagi program **pembangunan pendidikan** dan pembentukan akhlak mulia, aktiviti riadah dalaman untuk kecergasan dan kesihatan, serta disewakan kepada orang awam bagi penganjuran majlis dan **program komuniti**, sekali gus menyokong kelestarian dan keterlibatan masyarakat setempat.

KIOSK



Kiosk / Medan Selera KAYPI disediakan sebanyak 4 unit dan akan beroperasi dengan penjualan makanan untuk kemudahan warga KAYPI serta dibuka kepada orang ramai sebagai zon awam. Penyediaan fasiliti ini bukan sahaja memenuhi keperluan harian, malah berperanan sebagai ruang interaksi komuniti serta menyokong kelestarian operasi melalui aktiviti ekonomi setempat.

KAYPI: PUSAT KECEMERLANGAN ANAK YATIM, VISUAL PERANCANGAN APABILA SIAP SEPENUHNYA



2.0

PUSAT DIALISIS LZS-YIDE PUNCAK PERDANA

2.1 Pengenalan

2.2 Ringkasan Kemajuan Projek

2.3 Progres Pembinaan Kompleks



2.1 PENGENALAN

PEMBINAAN PUSAT DIALISIS PUNCAK PERDANA



Penubuhan pusat dialisis ini adalah bertujuan untuk membantu dan memberi rawatan hemodialisis kepada pesakit-pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang khususnya di kawasan Puncak Perdana dan di sekitar Shah Alam secara amnya.

Pembinaan pusat dialisis yang baharu ini akan menambah lagi kapasiti dalam menyantuni dan memberikan rawatan kepada lebih ramai pesakit buah pinggang serta menerima rawatan yang terbaik, mesra pelanggan dan berkualiti.

Melalui keputusan Mesyuarat ALPA Bil. 1/2023, telah bersetuju cadangan kerjasama strategik bagi membangunkan pusat dialisis baru di Masjid Ar-Raudhah, Puncak Perdana dengan Lembaga Zakat Selangor (MAIS).

Pihak LZS turut memberikan modal awalan untuk pembangunan projek ini demi membantu asnaf di bawah tajaan LZS manakala Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) juga telah memperuntukkan dana melalui Wakaf Selangor Muamalat. Untuk permulaan pengoperasian, Jumlah mesin dialisis adalah sebanyak 6 unit, yang boleh menampung seramai 36 orang pesakit yang akan menjalani rawatan hemodialisis sebulan. Kapasiti mesin boleh ditambah sehingga 12 unit mengikut jumlah pertambahan pesakit akan datang. Pembangunan pusat dialisis ini dijangka siap sepenuhnya pada April 2026 dan beroperasi sepenuhnya pada Oktober 2026. Kos keseluruhan pembangunan projek ini adalah berjumlah RM4.1 juta, baki dana yang diperlukan adalah sebanyak RM642,000.

Anggaran Kos Projek

RM4.1 Juta

Tarikh Jangkaan Siap:
Oktober 2026

Dana
Diperolehi

RM3.4 Juta

Baki yang
diperlukan

RM642 Ribu

Kemaskini sehingga 31 Disember 2025



2.2 RINGKASAN KEMAJUAN PROJEK

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Kos Pembangunan	RM 3,405,000.00
2.	Kos Mesin & Kelengkapan Hemodialisis	RM 695,000.00
	Jumlah Keseluruhan Kos Pembangunan	RM 4,100,000.00
	Jumlah Kutipan Dana Semasa	RM 3,458,000.00
	Jumlah Perbelanjaan Semasa (Perundingan + Kontraktor)	RM 1,016,509.43

Baki Dana yang diperlukan untuk KESELURUHAN KOS PEMBANGUNAN

RM 642,000.00

Kemaskini sehingga 31 Disember 2025

2.3 PROGRES PEMBINAAN PUSAT DIALISIS LZS-YIDE MASJID AR- RAUDHAH PUNCAK PERDANA

Setakat 31 Disember 2025

LOKASI PUSAT DIALISIS LZS-YIDE MASJID AR-RAUDHAH PUNCAK PERDANA

Seksyen U10 Puncak Perdana
40170 Shah Alam, Selangor



Kemaskini: 31 Disember 2025

Projek pembinaan Pusat Dialisis LZS-YIDE di Masjid Ar-Raudhah, Puncak Perdana kini telah mencapai tahap **48%** siap. Kerja-kerja struktur utama sedang dijalankan dan dipantau secara berterusan bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan mengikut jadual yang ditetapkan.

Jumlah kos keseluruhan projek adalah sebanyak RM4.1 juta, dengan baki dana berjumlah RM642,000 masih diperlukan bagi menampung kos pembinaan dan penyediaan kelengkapan pusat dialisis tersebut.

Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) amat mengalu-alukan sumbangan dan sokongan daripada semua pihak bagi memastikan projek ini dapat disiapkan sepenuhnya demi menyediakan kemudahan rawatan dialisis kepada masyarakat yang memerlukan.

3.0

LAPORAN BAHAGIAN KEBAJIKAN

3.1 ANAK YATIM

3.1.1 Statistik Anak Yatim YIDE

3.1.2 Aktiviti & Sumbangan

Kepada Anak Yatim

3.1.3 Bulan Anak Yatim



3.1 ANAK YATIM


3.1.1 STATISTIK ANAK YATIM SELIAAN YIDE

JUMLAH KESELURUHAN

12,380


BILANGAN KELUARGA ANAK YATIM

6,941



Anak Yatim Lelaki

6,402



Anak Yatim Perempuan

5,978



Jumlah Rumah Kebajikan Anak Yatim Berdaftar

35

Kemaskini sehingga 31 Disember 2025

3.1 ANAK YATIM

3.1.1 STATISTIK ANAK YATIM SELIAAN YIDE



TASKA & TADIKA
(1 HARI - 6 TAHUN)

1,611 ORANG
ANAK YATIM

SEKOLAH RENDAH
(7 TAHUN - 12 TAHUN)

5,970 ORANG
ANAK YATIM



SEKOLAH MENENGAH
(13 TAHUN - 15 TAHUN)

4,799 ORANG
ANAK YATIM



Kemaskini sehingga 31 Disember 2025

3.1 ANAK YATIM

3.1.2 AKTIVITI & SUMBANGAN KEPADA ANAK YATIM

MUNAJAT ANAK-ANAK YATIM UNTUK SUKARELAWAN GLOBAL SUMUD FLOTILLA

BANGI, 1 Julai 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) melakar satu lagi kejayaan apabila menerima Sijil Penghargaan Rakan Strategik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam Majlis Apresiasi Rakan Strategik JKM Tahun 2025 yang berlangsung pada 1 Julai 2025 di Bangi Resort Hotel.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Noriani binti Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat mewakili YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Bagi pihak YIDE, Encik Nur Mohd Razali Bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE, hadir menerima penghargaan tersebut sebagai pengiktirafan atas komitmen dan kerjasama erat YIDE bersama JKM dalam memperkasa agenda kebajikan dan kesejahteraan masyarakat.



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) PRIHATIN TERHADAP KEADAAN KESIHATAN ANAK YATIM

SHAH ALAM | 14 Oktober - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah mengadakan ziarah prihatin bagi menyampaikan sumbangan kepada seorang anak yatim yang sedang menerima rawatan di Hospital Shah Alam, Selangor.

Adik Nur Aina Mulya binti Nurul Faiezal kini berada di bawah pemantauan Pegawai Perubatan akibat penyakit tibi kelenjar. Menurut ibunya, Puan Fazilah, keadaan Aina kini stabil namun masih perlu meneruskan rawatan dan pengambilan ubat. Aina juga perlu terus berada di hospital untuk beberapa hari bagi memastikan kesihatannya benar-benar pulih sebelum dibenarkan kembali ke sekolah.

Sumbangan perbelanjaan perubatan telah disampaikan oleh Ustaz Mohammad Haizan, Eksekutif Kebajikan YIDE kepada Aina, bagi membantu menampung kos rawatan dan keperluan harian sepanjang tempoh rawatan. Turut hadir, Cik Ain Aisya, Penolong Eksekutif Kebajikan YIDE yang turut menyantuni ibu dan anak yatim berkenaan.

Semoga Adik Aina dikurniakan kesembuhan yang sempurna, kesihatan yang berpanjangan serta kekuatan untuk meneruskan kehidupan seharian.

ANAK YATIM TERIMA TAJAAN BAJU SEKOLAH SEMPENA MAJLIS PELUNCURAN GEDUNG FESYEN ANJURAN TERAS

PETALING, 27 OKTOBER 2025 - Seramai 30 orang anak yatim di bawah seliaan Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) menerima sumbangan tajaan set lengkap pakaian sekolah sempena Majlis Peluncuran Gedung Fesyen Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS) yang berlangsung dengan penuh meriah di sini.

Majlis pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), YAD Senator Dato' Setia Haji Salehuddin Saidin sebagai simbolik pelancaran rasmi gedung fesyen yang dibangunkan khusus bagi memperkasa keusahawanan dan ekonomi asnaf di negeri Selangor.

Penyampaian sumbangan pakaian sekolah kepada anak-anak yatim merupakan salah satu batuan yang disediakan oleh Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) bagi menarik minat anak yatim menjalani sesi pembelajaran disamping meringankan tanggungan ibu selaku penjaga utama setelah kematian suami disamping memberi suntikan semangat untuk mereka terus berjaya dalam pelajaran.

Dalam majlis tersebut juga, penyampaian cek cura berjumlah RM100,000 telah diserahkan oleh YBhg. Dato' Haji Bakhtiar bin Hussin, Pengerusi TERAS kepada YBrs. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE untuk tujuan pembangunan Kompleks Anak Yatim Pulau Indah yang kini sedang giat dibangunkan dan dijangka siap pada akhir Januari 2026 nanti.



3.1 ANAK YATIM

3.1.2 AKTIVITI & SUMBANGAN KEPADA ANAK YATIM



MEMBACA MEMBUKA JENDELA KECEMERLANGAN

SABAK BERNAM | 6 NOV 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) terus komited dalam menyemai minat membaca di kalangan anak-anak yatim sebagai langkah membudayakan ilmu dan kecemerlangan.

Hari ini, En. Muhammad Zubair bin Azizan, Pengurus Operasi Kebajikan YIDE, telah menyerahkan koleksi buku bacaan ilmiah kepada wakil Asrama Kebajikan Anak-Anak Yatim Sekendi, Sabak Bernam serta Pertubuhan Kebajikan Ukhuwah Anak Yatim/Miskin Daerah Sabak Bernam untuk bacaan anak-anak yatim yang tinggal di rumah kebajikan tersebut.

Melalui pembacaan, anak-anak ini bukan sahaja memperluas pengetahuan, tetapi juga membina keyakinan diri dan semangat untuk mencapai impian mereka.

Moga inisiatif kecil ini menjadi langkah besar dalam membentuk generasi muda yang berilmu, berakhlak dan cemerlang di dunia serta akhirat.

KHIDMAT BAKTI : ANAK YATIM BANTU SALUR BANTUAN KEPADA MANGSA BANJIR

KUALA SELANGOR, 2 Disember 2025 - Anak Yatim turut serta menyantuni dan mengagihkan bantuan kepada mangsa banjir di sini. Penglibatan anak yatim dari Rumah Kasih Harmoni (RAY), Paya Jaras salah sebuah rumah kebajikan anak yatim yang berdaftar dibawah Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menyertai misi bantuan kemanusiaan bagi menyantuni mangsa banjir di Pusat Penempatan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang dan KAFA Al Hidayah. Program khidmat masyarakat ini dilaksanakan dengan penuh komitmen dan semangat kesukarelawanan.

Sebagai tanda solidariti dan keprihatinan, En. Jamaludin Wahab selaku wakil YIDE dan Pengurus Rumah Kasih Harmoni telah turun padang bersama para penghuni untuk menyampaikan sokongan moral serta bantuan keperluan asas kepada keluarga yang ditempatkan di PPS berkenaan. Antara bantuan yang disalurkan ialah Pek Prihatin merangkumi selimut, tuala, t-shirt, sabun mandi, kain pelikat, kain batik, ubat gigi dan berus gigi.

Penyertaan anak-anak yatim dalam program ini bukan sahaja membuka peluang kepada mereka untuk menyumbang kepada masyarakat, malah turut menjadi platform pendidikan yang menekankan nilai empati, keprihatinan dan tanggungjawab sosial. Inisiatif ini juga menjadi usaha signifikan dalam memupuk budaya kesukarelawanan sejak usia muda, di samping memberikan pendedahan terhadap realiti kehidupan masyarakat yang berdepan musibah.



PRIHATIN PENDIDIKAN: YIDE RAIKAN ANAK YATIM MELALUI PROGRAM BACK TO SCHOOL

PETALING JAYA, 5 Disember 2025 - Pada tahun 2025, Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) terus memperkukuh agenda kebajikan anak yatim melalui pelbagai program bantuan dan pembangunan sendiri. Sepanjang tahun ini, YIDE telah menyantuni 12,380 anak yatim individu serta bekerjasama rapat dengan 35 buah rumah kebajikan anak yatim berdaftar di seluruh Negeri Selangor. Usaha ini merangkumi bantuan kebajikan asas, sokongan pendidikan, intervensi kesejahteraan dan program pembangunan diri bagi memastikan kelangsungan hidup serta masa depan anak-anak yatim terus terjamin.

Seiring komitmen tersebut, YIDE menganjurkan Program Serahan Cek Cura "Back To School" sebagai salah satu inisiatif persiapan awal persekolahan. Seramai 100 anak yatim dari seluruh Negeri Selangor menjadi penerima manfaat, dengan 10 wakil daripada kawasan Taman Medan hadir secara fizikal mewakili kumpulan penerima lain. Para wakil ini terdiri daripada tiga masjid setempat iaitu Masjid Nurul Ehsan, Masjid Jumhuriyah dan Masjid As-Salam, Taman Medan.

.Program ini diadakan bagi membantu meringankan kos persiapan sekolah dan membolehkan anak-anak yatim memulakan sesi persekolahan 2026 dengan kelengkapan yang mencukupi. Majlis turut menampilkan penyampaian cek cura bernilai RM25,000 oleh Pn. Noorashikin binti Roslee, Ketua Cawangan Shah Alam Amanah Raya Berhad, kepada En. Muhammad Zubair Bin Azizan, Pengurus Operasi Kebajikan YIDE. Sesi pemberian pakaian sekolah kepada anak-anak yatim turut diadakan sebagai sokongan tambahan kepada keluarga penerima.

3.0

LAPORAN BAHAGIAN KEBAJIKAN

3.2 BANTUAN MUSIBAH

3.2.1 Statistik Penerima Manfaat

3.2.2 Penerima Sumbangan

Musibah/Bencana



3.2 BANTUAN MUSIBAH

3.2.1 STATISTIK PENERIMA MANFAAT

875


KELUARGA

BILANGAN KELUARGA TELAH MENERIMA BANTUAN DARI YIDE

RM164,340.00

JUMLAH SUMBANGAN TELAH DIAGIHKAN

KEKERAPAN BANTUAN MENGIKUT DAERAH



Kemaskini sehingga 31 Disember 2025


3.2 BANTUAN MUSIBAH

3.2.1 STATISTIK PENERIMA MANFAAT



KEBAKARAN

BILANGAN BANTUAN : 43
BILANGAN KELUARGA : 43



BANJIR

BILANGAN BANTUAN : 24
BILANGAN KELUARGA : 485



RIBUT

BILANGAN BANTUAN : 15
BILANGAN KELUARGA : 49



KEMATIAN

BILANGAN BANTUAN : 8
BILANGAN KELUARGA : 8



TANAH RUNTUH

BILANGAN BANTUAN : 2
BILANGAN KELUARGA : 6



KHAS

BILANGAN BANTUAN : 1
BILANGAN KELUARGA : 284

Kemaskini sehingga 31 Disember 2025

3.2 BANTUAN MUSIBAH

3.2.2 PENERIMA SUMBANGAN MUSIBAH/BENCANA



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) MENYANTUNI DUA KELUARGA MANGSA KEBAKARAN DI PULAU INDAH, KLANG

TELUK GONG KLANG, 9 Oktober 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) terus komited melaksanakan tanggungjawab sosialnya dalam membantu masyarakat yang ditimpa musibah apabila menyantuni dua keluarga yang terjejas akibat kejadian kebakaran di Pulau Indah, Klang.



Kejadian yang berlaku pada 7 Oktober 2025 telah menyebabkan kerosakan kepada kediaman Encik Henri dan Encik Yusuf. Berdasarkan maklumat awal, rumah Encik Henri mengalami kerosakan sebahagian namun masih boleh didiami, manakala kediaman Encik Yusuf pula mengalami kemusnahan hampir keseluruhan.

Bagi meringankan beban yang ditanggung, Encik Muhammad Zubair bin Azizan selaku Pengurus Operasi Kebajikan YIDE, telah turun padang bagi menyampaikan sumbangan kewangan serta Pek Prihatin YIDE kepada kedua-dua keluarga berkenaan. Lawatan tersebut turut bertujuan menzahirkan keprihatinan YIDE terhadap nasib mangsa yang terjejas serta memberi sokongan moral kepada mereka.

YIDE sentiasa berperanan aktif dalam menyalurkan bantuan segera kepada individu dan keluarga yang berdepan bencana atau kesusahan hidup, sejajar dengan matlamatnya untuk memperkasa kebajikan ummah di Negeri Selangor.

YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN SEGERA BANTU MANGSA RIBUT DI PPS MERU & KAMPUNG BUDIMAN, KLANG

KLANG, 15 OKTOBER 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) terus komited dalam usaha membantu masyarakat yang ditimpa musibah dengan menyantuni keluarga yang terjejas akibat kejadian ribut semalam. Seramai sebelas keluarga kini ditempatkan sementara di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Meru, manakala satu keluarga lagi di PPS Kampung Budiman, Klang.

Mangsa yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Meru ialah Encik Farid memaklumkan kejadian berlaku sangat pantas sehingga menyebabkan sebahagian bumbung rumah beliau musnah akibat ribut dan hujan lebat. Kini beliau bersama 10 lagi keluarga ditempatkan di PPS tersebut bagi tujuan perlindungan sementara.

Sementara itu, di PPS Kampung Budiman, mangsa yang terlibat ialah Puan Siti, isteri kepada Encik Ezry.

Turut hadir memberi kerjasama dalam penyaluran bantuan ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Klang, Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang membantu memastikan kelancaran urusan di lokasi.

Sebagai tanda keprihatinan, Encik Tan Nasrullah Zhong bin Abdullah, Pegawai Kebajikan YIDE, telah turun padang pada 15 Oktober 2025 bagi menyampaikan sumbangan kewangan dan Pek Prihatin YIDE kepada keluarga terlibat. Inisiatif ini diharap dapat meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa ribut berkenaan.



3.2 BANTUAN MUSIBAH

3.2.2 PENERIMA SUMBANGAN MUSIBAH/BENCANA



SEKOLAH, SURAU DAN INDIVIDU MANGSA RIBUT TERIMA BANTU YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE)

KUALA LANGAT, 16 Oktober 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) segera membantu sekolah, surau dan individu mangsa yang ditimpa musibah ribut di sini. YIDE tampil menyampaikan sumbangan kepada institusi dan masyarakat sebaik sahaja maklumat diterima.



Kesemua individu mangsa kini ditempatkan sementara di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Harmoni, Kampung Sijangkang bagi memastikan keselamatan dan kebajikan mereka terpelihara.

Lawatan pada hari ini diketuai Tuan Haji Mohd Sabirin bin Mohd Sarbini, Setiausaha MAIS dan diiringi En Nur Mohd Razali Bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE serta pegawai dari agensi Islam yang lain.

YIDE telah menyerahkan sumbangan kepada wakil sekolah yang terlibat menggunakan dana musibah bencana alam manakala individu mangsa yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Harmoni turut menerima Tunai dan Kotak Makanan menggunakan peruntukan Fidyah MAIS.

Selain itu dalam satu lagi kejadian, YIDE turut melawat Surau al-Irsyadiyah Seksyen 17, Shah Alam yang terkesan ribut dan menyerahkan sumbangan tunai kepada Timbalan Pengerusi mewakili Surau al-Irsyadiyah. Sumbangan telah disampaikan oleh En Muhd Zubair Azizan selaku Pengurus Operasi Kebajikan YIDE.

Semua bantuan ini telah disempurnakan bertujuan membantu pihak sekolah, surau dan individu mangsa yang terlibat membaikpulih kerosakan yang berlaku.

YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN PRIHATIN KEBAJIKAN KELUARGA YANG DITIMPA MUSIBAH KEMATIAN


PUNCAK ALAM, 14 OKTOBER - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) segera turun padang bagi menziarahi dan menghulurkan sumbangan kepada keluarga yang ditimpa musibah kematian di Hospital Puncak Alam.

Puan Norhayati, isteri kepada Allahyarham En. Abdullah Daud yang bertugas sebagai jururawat di Hospital Puncak Alam dan ibu kepada dua orang anak kecil, berkongsi rasa sedih apabila suaminya meninggal dunia secara mengejut akibat penyakit jantung ketika mereka sekeluarga berada di kampung.

Sumbangan musibah kematian telah disampaikan oleh En. Tan Nasrullah Zhong bin Abdullah, Penolong Eksekutif Kebajikan YIDE, kepada Puan Norhayati sebagai tanda keprihatinan YIDE terhadap kebajikan dan kebajikan keluarga Allahyarham.

Langkah ini mencerminkan komitmen YIDE dalam memastikan kebajikan ummah terus terbela, terutama kepada mereka yang diuji dengan kehilangan insan tersayang.

Masyarakat awam diseru agar terus membudayakan amalan infaq dan sedekah, kerana setiap sumbangan yang diberikan akan menjadi sumber kekuatan dan kebahagiaan buat mereka yang memerlukan.



3.2 BANTUAN MUSIBAH

3.2.2 PENERIMA SUMBANGAN MUSIBAH/BENCANA



WARGA EMAS DAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) TERIMA MANFAAT AGIHAN FIDYAH MAIS

SUNGAI BULOH, 3 November 2025 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan kerjasama Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Paya Jaras Tengah telah melaksanakan Program Agihan Fidyah MAIS melibatkan golongan Warga Emas & Orang Kelainan Upaya (OKU) di sekitar Sungai Buloh.

Seramai 119 orang dalam kalangan warga Emas dan orang Kelainan Upaya (OKU) telah menerima sumbangan kewangan dan kotak makanan asas.

Program ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan YIDE dalam menyalurkan agihan fidyah dan sumbangan masyarakat kepada golongan yang memerlukan. Melalui pendekatan menyeluruh dan kerjasama pelbagai pihak, YIDE terus giat memperkasa jaringan kebajikan di seluruh negeri Selangor.

YIDE turut menyeru orang ramai agar terus membudayakan amalan infaq, sedekah dan zakat. Setiap sumbangan yang dihulurkan mampu memberi kesan besar kepada mereka yang memerlukan, terutamanya dalam situasi bencana dan kesusahan yang tidak diduga.

ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) TERIMA MANFAAT AGIHAN FIDYAH MAIS

PETALING JAYA, 12 November 2025 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan kerjasama Persatuan Membantu OKU Malaysia (PMOKUM) telah melaksanakan Program Agihan Fidyah MAIS melibatkan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) di sekitar PPR Lembah Subang 2, Petaling Jaya.

Seramai 60 orang dalam kalangan warga Orang Kelainan Upaya (OKU) telah menerima sumbangan kotak makanan asas.

Program ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan YIDE dalam menyalurkan agihan fidyah MAIS dan sumbangan masyarakat kepada golongan yang memerlukan. Melalui pendekatan menyeluruh serta kerjasama pelbagai pihak, YIDE terus giat memperkasa jaringan kebajikan di seluruh negeri Selangor.

YIDE turut mengajak orang ramai agar terus membudayakan amalan infaq, sedekah dan zakat. Setiap sumbangan yang dihulurkan mampu memberi kesan besar kepada mereka yang memerlukan, terutamanya dalam situasi bencana dan kesusahan yang tidak diduga.



PELAJAR SPM ANTARA MANGSA KEBAKARAN RUMAH TERIMA BANTUAN SEGERA YIDE

KUNDANG – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) terus komited membantu mereka yang diuji apabila sebuah keluarga di sini kehilangan rumah akibat kebakaran baru-baru ini. Kejadian yang menyayat hati memberi kesan yang sangat mendalam kepada keluarga tersebut yang kini berteduh sementara di rumah saudara terdekat sementara menunggu siasatan dan bantuan daripada agensi serta pihak berkuasa.

Bagi meringankan beban mereka, wakil YIDE iaitu En. Muhammad Zubair bin Azizan, Pengurus Operasi Bahagian Kebajikan YIDE segera turun padang menyantuni dan membuat penyerahan sumbangan kewangan serta Kit Prihatin YIDE yang mengandungi keperluan awal seperti baju, kain, selimut, tuala dan keperluan amenities kepada mangsa musibah, Puan Norazian.

Puan Norazian turut meluahkan rasa sedih kerana terpaksa meninggalkan rumah pusaka yang didiaminya sejak kecil, namun beliau tetap tabah demi memastikan anaknya dapat meneruskan sesi peperiksaan sekolah yang sedang berlangsung dengan tenang walaupun berhadapan situasi mencabar.

YIDE ingin menyampaikan pesanan kepada masyarakat agar sentiasa peka dan meningkatkan kawalan keselamatan di rumah khususnya berkaitan sistem pendawaian letrik dan cara penggunaan bahan bakar seperti tong gas agar kejadian seumpama ini dapat dielakkan.

3.2 BANTUAN MUSIBAH

3.2.2 PENERIMA SUMBANGAN MUSIBAH/BENCANA

YIDE MENYANTUNI MANGSA BANJIR DI PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) DI DEWAN SRI BERNAM, DEWAN SRI SKINCHAN, PUSAT PERKHIDMATAN JKKK KAMPUNG JAYA SETIA, BESTARI JAYA & DEWAN BAKAWALI SEKSYEN 35, KLANG



SELANGOR, 24 November 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) terus komited membantu masyarakat yang terkesan dengan musibah banjir melalui penyerahan sumbangan di beberapa Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sekitar Selangor.

Antara PPS yang terlibat ialah:

Dewan Sri Bernam – 12 keluarga
Dewan Sri Skinchan – 7 keluarga
Pusat Perkhidmatan JKKK Kampung Jaya Setia, Bestari Jaya – 2 keluarga
Dewan Bakawali, Seksyen 35, Klang – 30 keluarga

Program bantuan ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) lokasi terlibat serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dalam memastikan penyelarasan bantuan berjalan lancar.

Sebagai tanda keprihatinan, Encik Muhammad Zubair bin Azizan, Pengurus Operasi Kebajikan YIDE, dan Encik Tan Nasrullah Zhong bin Abdullah, Penolong Eksekutif Kebajikan YIDE, turun padang menyampaikan sumbangan berupa Pek Prihatin YIDE kepada mangsa banjir.

YIDE turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Angkatan Pertahanan Malaysia (APM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan RELA atas bantuan, komitmen serta kerjasama mereka dalam memastikan keselamatan dan kelancaran urusan di PPS.

YIDE mendoakan agar semua yang terkesan diberikan kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi ujian ini, serta dipermudahkan segala urusan mereka.

YIDE juga mengajak masyarakat untuk terus membudayakan amalan infaq dan sedekah, kerana setiap sumbangan mampu menjadi sinar harapan buat mereka yang memerlukan.



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN BERSAMA SETIAUSAHA MAIS SANTUNI MANGSA BANJIR DI SHAH ALAM

SHAH ALAM, 26 November 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) terus komited menyantuni masyarakat yang terkesan akibat banjir melalui penyerahan bantuan di beberapa Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di sekitar Negeri Selangor.

YIDE turut mengiringi YBhg. Tuan Haji Mohd Sabirin bin Mohd Sarbini, Setiausaha MAIS bagi menyerahkan Kotak Makanan Fidyah MAIS kepada mangsa banjir di PPS Masjid Al-Falah, Kampung Budiman, Shah Alam.

Selain itu, YIDE juga mengagihkan Pek Prihatin YIDE yang mengandungi keperluan harian seperti selimut, tuala, t-shirt, sabun mandi, kain pelikat, kain batik serta kit kebersihan diri.

YIDE merakamkan penghargaan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Ketua Kampung serta semua agensi yang terlibat atas komitmen mereka memastikan keselamatan dan kelancaran operasi di PPS yang terlibat.

3.2 BANTUAN MUSIBAH

3.2.2 PENERIMA SUMBANGAN MUSIBAH/BENCANA

YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN IRINGI PENERUSI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS) SANTUNI DAN AGIH SUMBANGAN KEPADA MANGSA BANJIR DI KLANG



SUNGAI KANDIS 27 November 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) terus komited membantu masyarakat yang terkesan dengan musibah banjir melalui penyerahan sumbangan di beberapa Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sekitar Selangor.

Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) mengiringi Pengerusi MAIS, YAD Senator Dato' Setia Haji Salehuddin Saidin, Pengerusi MAIS menyampaikan sumbangan Kotak Makanan Fidyah MAIS kepada mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS), Dewan MBSA, Sungai Kandis, manakala YIDE juga telah menyampaikan sumbangan berupa Pek Prihatin YIDE melibatkan keperluan harian seperti selimut, tuala, baju t-shirt, sabun mandi, kain pelikat, kain batik, ubat gigi dan berus gigi kepada mangsa banjir.

YIDE turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Ketua Kampung dan semua agensi atas bantuan, komitmen serta kerjasama mereka dalam memastikan keselamatan dan kelancaran urusan di PPS.

YIDE mendoakan agar semua yang terkesan diberikan kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi ujian ini, serta dipermudahkan segala urusan mereka.

YIDE juga mengajak masyarakat untuk terus membudayakan amalan infaq dan sedekah, kerana setiap sumbangan mampu menjadi sinar harapan buat mereka yang memerlukan.



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) SANTUNI MANGSA BANJIR DI SEPANG

SEPANG, 28 November 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menyantuni 5 keluarga di Pusat Penempatan Sementara (PPS) Dewan MPKK Kampung Labu Lanjut dan 25 keluarga di PPS Sekolah Kebangsaan Salak.

Sebagai tanda keprihatinan, Encik Tan Nasrullah Zhong bin Abdullah, Penolong Eksekutif Kebajikan YIDE, turun padang menyampaikan sumbangan Pek Prihatin melibatkan keperluan harian seperti selimut, tuala, baju T-shirt, sabun mandi, kain pelikat, kain batik, ubat gigi dan berus gigi kepada mangsa banjir.

PPS Labu turut mendapat kerjasama daripada pegawai JK, Mohd Syakirin bin Rahatan, manakala di PPS SK Salak, kerjasama diberikan oleh Puan Lyn D' Amor Buquing.

YIDE turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Angkatan Pertahanan Malaysia (APM) dan semua agensi atas bantuan, komitmen serta kerjasama mereka dalam memastikan keselamatan dan kelancaran urusan di PPS.

YIDE mendoakan agar semua yang terkesan diberikan kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi ujian ini, serta dipermudahkan segala urusan mereka.

3.2 BANTUAN MUSIBAH

3.2.2 PENERIMA SUMBANGAN MUSIBAH/BENCANA



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) SANTUNI MANGSA BANJIR DI KUALA LANGAT

KUALA LANGAT, 1 Disember 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menyantuni keluarga di Pusat Penempatan Sementara (PPS) Dewan Orang Ramai Kampung Jenjarom. Lebih dari 100 mangsa yang terkesan kini berteduh di 6 PPS sekitar daerah tersebut.

Sebagai tanda keprihatinan, Encik Tan Nasrullah Zhong bin Abdullah, Penolong Eksekutif Kebajikan YIDE, turun padang menyampaikan sumbangan Pek Prihatin melibatkan keperluan harian seperti selimut, tuala, baju T-shirt, sabun mandi, kain pelikat, kain batik, ubat gigi dan berus gigi kepada mangsa banjir.

PPS berkenaan turut mendapat kerjasama daripada pegawai JKM Kuala Langat, Puan Nur Airlen dan Ketua Kampung Sungai Rambai, Mohd Rohaizan bin Mohd Sarin.

YIDE turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), petugas RELA dan semua agensi atas bantuan, komitmen serta kerjasama mereka dalam memastikan keselamatan dan kelancaran urusan di PPS.



YIDE IRINGI PENERUSI MAIS AGIH SUMBANGAN KEPADA MANGSA BANJIR DI HULU LANGAT

HULU LANGAT, 7 Disember - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) mengiringi Pengerusi MAIS, YAD Senator Dato' Setia Haji Salehuddin Saidin menyantuni mangsa banjir serta menyampaikan sumbangan di Sekolah Rendah Agama Dusun Nanding dan Masjid Al-Ehsan, Kampung Sungai Serai.

Dalam program ini, MAIS menyumbangkan Kotak Makanan Fidyah MAIS manakala YIDE turut menyalurkan Pek Prihatin YIDE merangkumi keperluan harian seperti selimut, tuala, baju T-shirt, sabun mandi, kain pelikat, kain batik, ubat gigi dan berus gigi bagi membantu mangsa yang terjejas.

Sebagai anak syarikat MAIS, YIDE melalui inisiatif ini menyediakan Pek Prihatin bernilai RM9,900 khusus untuk meringankan beban keluarga yang terkesan akibat bencana banjir.

Seramai 99 ketua keluarga telah menerima bantuan, iaitu 54 penerima di Sekolah Rendah Agama Dusun Nanding dan 45 penerima di Masjid Al-Ehsan, Kampung Sungai Serai.

Setiap ketua keluarga turut menerima Kotak Makanan Fidyah MAIS bernilai RM222 yang mengandungi barangan asas seperti beras, gula, minyak masak, tepung gandum, susu, bihun, biskut, makanan dalam tin dan minuman coklat.



4.0

LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

4.1 Siaran Langung YIDE Di
TV3 & TV Al-Hijrah

4.2 Aktiviti Dakwah YIDE

4.3 Jalinan Strategik & Aktiviti
Umum



4.0 LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

4.1 SIARAN LANGSUNG YIDE DI TV3 & TV AL-HIJRAH



PANEL-PANEL SAHABAT DAKWAH YIDE

UST NABIL AHMAD | PU HAFIZ | IMAM MUDA HASSAN | UST SHAMSUL HAKIM | USTAZAH DR. FATIMAH SYARHA



Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) melangkah ke hadapan dalam memperluas dakwah dan advokasi kebajikan menerusi siaran langsung di TV3 dan TV AlHijrah, hasil kerjasama strategik bersama Al Bayan Global. Turut menjayakan inisiatif ini adalah barisan panel terkemuka merangkap Sahabat Dakwah seperti PU Hafiz Haneefa, Imam Muda Hassan Adli Yahya, dan Ustazah Dr. Fatimah Syarha. Usaha ini bukan sahaja menyampaikan pengisian ilmu yang bermanfaat, malah memperkenalkan peranan YIDE dalam memperjuangkan kebajikan anak yatim serta golongan memerlukan di Selangor, terutama dalam usaha membangunkan Kompleks Anak Yatim YIDE di Pulau Indah.

Sot siaran langsung yang telah dijalankan sepanjang Julai hingga September 2025 adalah:

TARIKH	PANEL	TAJUK	PLATFORM
4/10/25	Ustazah Fatimah	Nasihat Buat Wanita Beriman	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
4/10/25	Ustaz Nadzri Mustakim	Inspirasi Al-Hujurat	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
5/10/25	Ustaz Mohd Elyas	Zuhud: Dikasihi Allah & Manusia	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
11/10/25	Ustazah Fatimah	Berbakti Kepada Ibu Bapa	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
12/10/25	Ustaz Shamsul Hakim	Mudahkan Bukan Menyusahkan	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
13/10/25	Ustaz Hassan Adli	Adab Berbeza Pendapat	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
18/10/25	Ustazah Fatimah	Tipu Daya Syaitan	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
19/10/25	PU Hafiz	Keadilan Dalam Islam	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
20/10/25	Ustaz Hassan Adli	Kemanusiaan Baginda SAW	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
25/10/25	Ustazah Fatimah	Peliharalah Hak Suami Isteri	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah

TARIKH	PANEL	TAJUK	PLATFORM
26/10/25	Ust Nabil Ahmad	Nilai Persaudaraan	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
27/10/25	Ustaz Hassan Adli	Nabi Utusan Allah	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
1/11/25	Ustaz Nabil	Solidariti Dalam Iman	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
1/11/25	Ustazah Fatimah	Pelihara Rukun Islam	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
2/11/25	PU Hafiz	Jalan Menuju Syurga	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
3/11/25	Ustaz Hassan Adli	Doa Rasulullah Harapan Kita	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
9/11/25	Ustaz Nabil	Balasan Baik dan Buruk	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
10/11/25	Ustaz Hassan Adli	Jenaka & Ketenagan Rasulullah	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
15/11/25	Ustazah Fatimah	Putus Asa Lagi?	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
16/11/25	Ustaz Shamsul Hakim	Siapa Wali Allah?	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
17/11/25	Ustaz Hassan Adli	Sahabat Setia dan Pemaaf	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
22/11/25	Ustazah Fatimah	Sahabat Baik Laksana Wangian	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
23/11/25	PU Hafiz	Ampunan Dalam Islam	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
24/11/25	Ustaz Hassan Adli	Rahmat Dalam Dakwah	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
29/11/25	Ustazah Fatimah	Jaga Kesihatan	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
30/11/25	PU Hafiz	Dunia Sebagai Persinggahan	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
6/12/25	Ustazah Fatimah	Jaga Pandangan Pelihara Iman	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
6/12/25	Ust Nabil Ahmad	Perantau Menuju Akhirat	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
7/12/25	PU Hafiz	Iman vs Nafsu	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
8/12/25	Ustaz Hassan Adli	Anak Muda Harapan Masa Depan	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
13/12/25	Ustaz Shamsul Hakim	Usah Membazir Tapi Bersedekah	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
14/12/25	PU Hafiz	Rahmat Allah SWT	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
15/12/25	Ustaz Hassan Adli	Tegas Tetapi Berhati Lembut	Assalamualaikum Dhuha TV-Alhijrah
20/12/25	Ustazah Fatimah	Keadilan Islam	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
21/12/25	Ust Nabil Ahmad	Kesucian Hati	Tanyalah Ustaz TV3 TV9
22/12/25	Ustazah Fatimah	Cinta Yang Tidak Pernah Padam	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
27/12/25	Ustazah Fatimah	Santuni Anak Yatim	Assalamualaikum Subuh TV-Alhijrah
28/12/25	PU Hafiz	Amalan Kecil ke Syurga	Tanyalah Ustaz TV3 TV9

4.0 LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

4.2 AKTIVITI DAKWAH YIDE



EKSEKUTIF DAKWAH PEMASARAN YIDE DAN SAHABAT DAKWAH YIDE

USTAZ HASNOL | USTAZ SAFIAN | USTAZ NORHAZMIN | USTAZ AIZUDDIN | USTAZ FADHIL | USTAZ ZABIDI | USTAZ AIMAN | USTAZ MUSTAFIDURROHMAN



Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) mengambil inisiatif untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai peranan YIDE dalam menjaga hal ehwal kebajikan anak yatim di negeri Selangor. Melalui saluran ini, YIDE bekerjasama dengan masjid-masjid dan surau-surau seluruh Selangor untuk menyampaikan kuliah atau tazkirah berkaitan anak yatim. Turut menjayakan inisiatif ini adalah Eksekutif Dakwah YIDE, Ustaz Zabidi Azhar dan Sahabat Dakwah YIDE Ustaz Fadhil Yahya. Usaha ini bukan sahaja menyampaikan pengisian ilmu yang bermanfaat, malah memperkenalkan peranan YIDE dalam memperjuangkan kebajikan anak yatim serta golongan memerlukan di Selangor, terutama dalam usaha membangunkan Kompleks Anak Yatim YIDE di Pulau Indah.

Sot kuliah dan tazkirah yang telah dijalankan sepanjang Oktober hingga Disember 2025 adalah:

PENYAMPAI	LOKASI	SLOT	TAJUK	TARIKH
Ustaz Aiman Khair	Masjid Nurul Yaqin, Kg. Melayu Sri Kundang	Tazkirah Jumaat	Satu Amal Sejuta Manfaat	3/10/2025
Ustaz Zabidi Azhar	Masjid Nurul Ehsan, PJ	Kuliah Maghrib		5/10/2025
Ustaz Hasnol Abu Bakar	Masjid Nurul Iman Telok Panglima Garang	Kuliah Maghrib		7/10/2025
Ustaz Fadhil Yahya	Masjid Masjid Darul Ehsan TAR, Ampang	Tazkirah Jumaat		17/10/2025
Ustaz Safian	Masjid Desa Sentosa, Teras Jernang	Kuliah Maghrib		26/10/2025
Ustaz Aizuddin	Masjid Jamiul Muhammadiyah, K.Selangor	Tazkirah Jumaat		31/10/2025
Ustaz Zabidi Azhar	Surau Al-Hidayah, Paya Jaras	Kuliah Maghrib		31/10/2025

PENYAMPAI	LOKASI	SLOT	TAJUK	TARIKH
Ustaz Aiman Khair	Masjid Kota Damansara	Tazkirah Jumaat	Satu Amal Sejuta Manfaat	7/11/2025
Ustaz Hasnol Abu Bakar	Masjid Meranti, Puchong	Tazkirah Jumaat		7/11/2025
Ustaz Mohd Safian	Masjid Kampung Sungai Merab	Kuliah Maghrib		8/11/2025
Ustaz Zabidi Azhar	Masjid Al-Ikhlas, Seksyen 13	Tazkirah Jumaat		14/11/2025
Ustaz Norhazimin	Masjid Bandar Utama Batang Kali	Kuliah Maghrib		18/11/2025
Ustaz Aizuddin	Masjid Puncak Alam, K.Selangor	Tazkirah Jumaat		21/11/2025
Ustaz Mustafidurrohman	Masjid Nurul Huda, Olak Lempit	Kuliah Maghrib		29/11/2025
Ustaz Mohd Safian	Masjid Teras Jernang, Bangi	Kuliah Maghrib		2/12/2025
Ustaz Hasnol	Masjid Al-Ilmi, Dengkil	Tazkirah Jumaat		5/12/2025
Ustaz Norhazimin	Masjid Ar-Rahmah Sg Buaya	Tazkirah Jumaat		12/12/2025
Ustaz Aiman Khair	Masjid Ukay Perdana	Tazkirah Jumaat		19/12/2025
Ustaz Fadhil Yahya	Masjid Lama Batu 6 Gombak	Tazkirah Jumaat		19/12/2025
Ustaz Zabidi	Masjid Al-Bakri, Bukit Naga	Kuliah Maghrib		19/12/2025
Ustaz Mohd Safian	Masjid Bandar Rinching, Semenyih	Kuliah Maghrib		29/12/2025
Ustaz Mustafidurrohman	Masjid Al-Islah Kg. Sawah Banting	Kuliah Maghrib		29/12/2025
Ustaz Aizuddin	Masjid Al-Ridzuan Bestari Jaya	Kuliah Maghrib		30/12/2025

4.0 LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

4.3 JALINAN STRATEGIK & AKTIVITI UMUM



KUNJUNGAN HORMAT YIDE KE MAHSA AVENUE INTERNATIONAL COLLEGE

9 Oktober 2025, Kuala Lumpur - Delegasi Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) yang diketuai oleh YBr. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE, telah mengadakan kunjungan hormat ke MAHSA Avenue international College.

Kunjungan ini disambut mesra oleh YBhg. Datin Maya Kumutha bersama barisan pengurusan MAIC.



Pertemuan ini membuka ruang pertukaran pandangan dan mengenalpasti potensi kerjasama strategik antara kedua-dua pihak.

Antara cadangan kerjasama yang dikenal pasti termasuklah:

- Penubuhan Pusat Dialisis
- Penganjuran bersama program untuk penerima manfaat – sama ada dari santunan YIDE mahupun komuniti MAHSA.

Kami berharap sinergi ini bakal memberi impak positif kepada masyarakat dan membuka lebih banyak ruang kolaborasi di masa akan datang.

LAWATAN TAPAK PROJEK KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM PULAU INDAH BERSAMA AFFIN BANK

PULAU INDAH, 3 NOV 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) menerima kunjungan wakil daripada Affin Bank Berhad dalam sesi lawatan tapak ke Projek Pembinaan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah bagi meninjau kemajuan pembangunan yang kini berada pada fasa utama pelaksanaan.

Dalam lawatan ini, pihak Affin Bank turut menyatakan komitmen untuk menyumbang dana pembangunan bagi menyokong pembinaan kompleks tersebut, sebagai sebahagian daripada usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka dalam memperkukuh kesejahteraan masyarakat.

Lawatan ini menjadi simbol jalinan kerjasama antara sektor korporat dan institusi kebajikan Islam dalam membangunkan prasarana yang bakal memberi manfaat besar kepada anak-anak yatim di Selangor.

YBr. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE dan YBr. En. Zaharudin Salim, Pengarah Strategi Korporat MAIS telah menyambut kehadiran delegasi Affin Bank yang diketuai oleh En. Noor Azman, Ketua Bahagian Korporat Affin Bank.

Sinergi bersama ini diharap menjadi permulaan kepada kolaborasi strategik yang berterusan antara YIDE dan Affin Bank dalam memperkasa agenda kebajikan anak-anak yatim di negeri Selangor.



KUNJUNGAN HORMAT YIDE KE ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA NEGERI SELANGOR

KLANG, 5 November 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) yang diketuai oleh YBr. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE, telah mengadakan kunjungan hormat ke Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri Selangor.

Delegasi YIDE telah disambut mesra oleh Kol. (PA) Fazlisyah bin Muslim, Pengarah APM Negeri Selangor dan tim pengurusan.

Pertemuan ini bertujuan memperkukuh sinergi antara kedua-dua pihak dalam menyantuni mangsa-mangsa musibah di Negeri Selangor.

Antara fokus utama perbincangan termasuk cadangan usahasama gerak kerja bantuan bencana serta latihan bersekutu kepada koordinator-koordinator YIDE bagi meningkatkan kecekapan dan kesiapsiagaan dalam menyantuni mangsa-mangsa yang menghadapi musibah.

Melalui sinergi ini, YIDE dan APM Selangor berhasrat untuk memantapkan kefungsian dan memperluas impak kebajikan demi kesejahteraan masyarakat dan keseimbangan ummah khususnya di negeri Selangor.



4.0 LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

4.3 JALINAN STRATEGIK & AKTIVITI UMUM



WACANA IHSAN YIDE "SATU AMAL SEJUTA MANFAAT"

KAJANG, 10 NOV 2025 - Alhamdulillah, Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan kerjasama Masjid Kampung Sungai Merab, Kajang telah berjaya menganjurkan Wacana Ihsan YIDE yang disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Mohd Safian, Sahabat Dakwah YIDE daerah Hulu Langat

Wacana ini diadakan bagi berkongsi amalan yang dianjurkan di dalam agama serta menzahirkan kepedulian terhadap golongan yang memerlukan. Kehadiran para jemaah yang memenuhi ruang masjid memeriahkan lagi suasana wacana ilmu ini.

YIDE mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan menyokong usaha kami.

KUNJUNGAN HORMAT YIDE KE YAYASAN HASANAH

ARA DAMANSARA, 12 November - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) yang diketuai oleh YBr. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE, telah mengadakan kunjungan hormat ke Yayasan Hasanah.

Delegasi YIDE telah disambut oleh YBr. Puan Sharifah Syed Agil, Pengarah Kanan/Ketua Pegawai Kewangan, Yayasan Hasanah dan tim pengurusan.

Pertemuan ini bertujuan menghubungkan titik sinergi antara kedua-dua pihak dalam menyantuni golongan sasaran YIDE khususnya di Negeri Selangor.

Melalui sinergi ini, YIDE dan Yayasan Hasanah berhasrat untuk memantapkan kefungsiannya dan memperluas impak kebajikan demi kesejahteraan masyarakat dan keseimbangan ummah khususnya di negeri Selangor.



KUNJUNGAN HORMAT YIDE KEPADA DEKAN FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG, USIM

NILAI, 14 November 2025 - YIDE komited terhadap tadbir urus yang telus dan berintegriti berpandukan maqasid Syariah dengan membentuk Jawatankuasa Penasihat Syariah YIDE yang dianggotai oleh Y.A.D. Dato' Setia Dr. Haji Anhar bin Haji Opir, Mufti Selangor sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah YIDE dan 2 orang Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah YIDE iaitu YBhg. Dato' Haji Mohd Salim bin Mohamed Sain, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE dan YBhg. Prof. Madya Abdul Manan bin Ismail, Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM, bagi memastikan setiap tadbir urus, inisiatif dan program kelolaan YIDE sentiasa selaras dengan prinsip Syariah yang berwibawa.

Hari ini YIDE telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Manan Ismail, Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di mana YBr. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE, telah menyerahkan warkah pelantikan sebagai Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah YIDE kepada beliau.

Pelantikan secara langsung ini dapat memperkukuhkan tadbir urus Syariah YIDE serta meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program-program berimpak tinggi yang berteraskan kebajikan dan kemasyarakatan.

YIDE merakamkan penghargaan atas kesediaan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah YIDE dalam melaksanakan komitmen demi memacu kecemerlangan dan integriti YIDE sebagai institusi kebajikan di Negeri Selangor.

4.0 LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

4.3 JALINAN STRATEGIK & AKTIVITI UMUM

PENGHARGAAN & TERIMA KASIH GES TERMINAL KLANG

KLANG | 24 November 2025 — YIDE berbesar hati memenuhi jemputan ke GES Terminal Klang bagi sesi 'ice-breaking' perkenalan serta penyerahan sumbangan untuk pembinaan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah.

Dalam pertemuan penuh mesra tersebut, YBr. En. Mohd Nainy bin Mokhtar, Pengarah GES Terminal Klang, telah menyerahkan cek cura kepada YBr. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE, sebagai simbol komitmen dan sokongan terhadap inisiatif untuk membangunkan anak-anak yang cemerlang di Kompleks ini nanti.

Sumbangan ini menjadi pemangkin dalam merealisasikan pembinaan kompleks asrama yang lebih selesa, selamat dan kondusif bagi anak-anak yatim yang bakal menghuni di sini nanti.



YIDE DI KARNIVAL ZAKAT SELANGOR 2025

SHAH ALAM, 27-29 NOV 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) turut serta di Karnival Zakat Selangor 2025 sebagai salah satu usaha menyebarkan maklumat mengenai inisiatif santunan kebajikan YIDE kepada masyarakat.

Di reruai YIDE, para pengunjung berpeluang untuk mengetahui lebih lanjut mengenai:

- Program menyantuni anak-anak yatim di Selangor
- Khidmat rawatan dialisis untuk pesakit buah pinggang di Pusat Dialisis MAIS di bawah seliaan YIDE.
- Bantuan kepada mangsa-mangsa musibah di seluruh Negeri Selangor

Pembangunan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah yang bakal menjadi pusat kecemerlangan anak yatim bagi melahirkan generasi cemerlang dunia dan akhirat.

CERAMAH EKSKLUSIF YIDE, ANCAMAN SCAMMER TERMASUK DERMA, DI ALAF DIGITAL

28 November 2025, Shah Alam - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah hadir dan menyokong penganjuran Ceramah Eksklusif YIDE bertajuk “Ancaman Scammer Termasuk Derma di Alaf Digital” oleh Tuan Rahmat Fitri Abdullah, ASP Bersara Pegawai Kanan PDRM/Duta Scam PDRM yang telah berlangsung di Pentas Utama, Dataran Karnival Shah Alam, Selangor sempena International Halalvibes Selangor 2025 hari ini.

Ceramah ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pelbagai bentuk penipuan digital yang semakin berleluasa, termasuk penipuan melibatkan kutipan derma. Program ini telah berjaya menarik kehadiran ramai pengunjung yang prihatin terhadap isu keselamatan digital.

Turut hadir ke sesi ceramah ini ialah YBhg. Tuan Haji Mohd Salim bin Mohamed Sain, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE dan YBr. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE serta rakan-rakan sinergi pihak penganjur.

Ringkasan Pengisian Program:

- * Penerangan mengenai ancaman scam digital terkini
- * Perkongsian langkah perlindungan diri dan keluarga
- * Pendedahan kes sebenar untuk meningkatkan kewaspadaan
- * Sesi soal jawab bersama peserta



5.0

LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

5.1 Pengenalan

5.2 Cawangan Dialisis MAIS

5.3 Statistik Pesakit Dialisis

5.4 Lawatan Pakar Nefrologi
& Doktor Perubatan

5.5 Jalinan Strategik & Aktiviti



5.0 LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

5.1 PENGENALAN



Pada tahun 2013, Yayasan Islam Darul Ehsan telah mula mengorak langkah dengan mengambilalih dan mengurus selia enam (6) buah Pusat Dialisis MAIS yang sebelum ini di bawah pengurusan MAIS Dialisis Sdn Bhd. Asas penubuhan Pusat Dialisis MAIS adalah untuk menyediakan perkhidmatan rawatan dialisis yang berkualiti kepada pesakit buah pinggang.

Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) melalui seliaan Pusat Dialisis MAIS komited menyediakan perkhidmatan hemodialisis yang berkualiti tinggi kepada pesakit-pesakit buah pinggang di seluruh Negeri Selangor. Dengan sebanyak 6 cawangan beroperasi aktif, pusat-pusat ini memberi rawatan kepada 263 orang pesakit secara berterusan, disokong oleh kehadiran doktor pakar nefrologi dan pasukan perubatan terlatih yang berdedikasi. Setiap pusat dialisis ini memastikan standard rawatan yang terbaik serta persekitaran yang selesa dan mesra pesakit, selaras dengan misi kebajikan YIDE untuk meningkatkan kesejahteraan kesihatan ummah.

Seiring dengan keperluan yang semakin meningkat, YIDE bakal mengembangkan lagi jaringan perkhidmatannya dengan membuka dua lagi Pusat Dialisis baharu yang dijangka beroperasi di Masjid Ar Raudhah, Puncak Perdana dan Masjid Sultan Abdul Samad, KLIA Sepang. Inisiatif ini bukan sahaja memperluaskan akses rawatan kepada komuniti setempat, malah mencerminkan komitmen YIDE dalam menjamin mutu perkhidmatan terbaik kepada setiap pesakit. Dengan pendekatan yang berteraskan nilai ihsan dan profesionalisme, YIDE terus berusaha menjadi peneraju dalam perkhidmatan dialisis berteraskan kebajikan Islam di negeri Selangor.



5.0 LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

5.2 CAWANGAN DIALISIS MAIS

PUSAT DIALISIS MAIS SHAH ALAM



59 Orang
Pesakit Dialisis
12 Mesin
Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Lim Li Han

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Hijrasyaro Bt Mohd Salleh

PUSAT DIALISIS MAIS KAPAR



48 Orang
Pesakit Dialisis
8 Mesin
Hemodialisis
1 Mesin
Hemodialisis (Hepatitis C)

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Norazinizah Bt Ahmad Miswan

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Nor Hayati Bt Md Aris

PUSAT DIALISIS MAIS SUNGAI BESAR



42 Orang
Pesakit Dialisis
9 Mesin
Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Suryati Bt Yaakob

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Nor Hayati Bt Md Aris

PUSAT DIALISIS MAIS KUALA SELANGOR



40 Orang
Pesakit Dialisis
8 Mesin
Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Norazinizah Bt Ahmad Miswan

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Nor Hayati Bt Md Aris

PUSAT DIALISIS MAIS TAMAN MELAWATI



43 Orang
Pesakit Dialisis
8 Mesin
Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Suryati Bt Yaakob

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Hanafiah Bin Bashirun

PUSAT DIALISIS MAIS BUKIT JELUTONG



28 Orang
Pesakit Dialisis
6 Mesin
Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Lim Li Han

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Hijrasyaro Bt Mohd Salleh

Kemaskini sehingga 31 Disember 2025

5.0 LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

5.3 STATISTIK PESAKIT DIALISIS



JUMLAH PESAKIT
260

PESAKIT TAJAAN LZS
134

LAIN-LAIN TAJAAN
126

DATA MASUK DAN KELUAR PESAKIT MENGIKUT CAWANGAN BAGI TAHUN 2025		
CAWANGAN SHAH ALAM 16 Orang (-13 Orang)	CAWANGAN KAPAR 6 Orang (-8 orang)	CAWANGAN SUNGAI BESAR 15 Orang (-12 Orang)
CAWANGAN KUALA SELANGOR 6 Orang (-8 Orang)	CAWANGAN TAMAN MELAWATI 17 Orang (-13 Orang)	CAWANGAN BUKIT JELUTONG 4 Orang (-6 Orang)

STATISTIK PESAKIT MENGIKUT JANTINA			
CAWANGAN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
SHAH ALAM	34	26	60
KAPAR	23	23	46
SUNGAI BESAR	17	24	41
KUALA SELANGOR	18	24	42
TAMAN MELAWATI	24	18	42
BUKIT JELUTONG	15	14	29
	131	129	<u>260</u>

Kemaskini sehingga 30 Disember 2025

5.0 LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

5.4 LAWATAN PAKAR NEFROLOGI DAN DOKTOR PERUBATAN

CAWANGAN SHAH ALAM			CAWANGAN KAPAR			CAWANGAN SUNGAI BESAR		
BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN	BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN	BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN
JAN	12/1/25	30/1/25	JAN		6 & 7/1/25	JAN	31 & 31 /1/25	8 & 9/1/25
FEB		26/2/25	FEB		4 & 5/2/25	FEB		1 & 3/2/25
MAC		22/3/25	MAC	8/3/25	10 & 11/3/25	MAC		5 & 6/3/25
APRIL		16 & 17/4/25	APRIL		9 & 10/4/25	APRIL		2 & 3/4/25
MEI	1,9 & 12/5/25		MEI	31/5/25	2 & 3/5/25	MEI	12/5/25	8 & 9/5/25
JUN		24, 25/6/25	JUN		2 & 3/6/25	JUN		4 & 5/6/25
JULAI		21, 22/7/25	JULAI		2 & 3/7/25	JULAI		4 & 5/7/25
OGOS	14, 27/8/25	14, 25/8/25	OGOS	30/8/25	5 & 6/8/25	OGOS	22 & 23/8/25	1 & 2/8/25
SEPT	4/9/25	24, 25/9/25	SEPT		5 & 6/9/25	SEPT		3 & 4/9/25
OKT		27, 28/10/25	OKT		1, 2/10/25	OKT		3, 4/10/25
NOV	14 & 21/11/25	26, 27/11/25	NOV		12, 13/11/25	NOV		5, 6/11/25
DIS		29, 30/12/25	DIS	25/12/25	3, 4/12/25	DIS	26, 27/12/25	12, 13/12/25

CAWANGAN KUALA SELANGOR			CAWANGAN TAMAN MELAWATI			CAWANGAN BUKIT JELUTONG		
BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN	BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN	BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN
JAN		1 & 2 /1/25	JAN	29/1/25	13/1/25	JAN	28 & 29/1/25	17/1/25
FEB	22/2/25	6 & 7/2/25	FEB		6/2/25	FEB		22/2/25
MAC		1 & 3/3/25	MAC		7/3/25	MAC		29/3/25
APRIL		4 & 5/4/25	APRIL		22/4/25	APRIL		17/4/25
MEI	17/5/25		MEI	16/5/25	28/5/25	MEI	1 & 12/5/25	30/5/25
JUN		26 & 27/6/25	JUN		5/6/25	JUN		28/6/25
JULAI		7 & 8/7/25	JULAI		16/7/25	JULAI		29/7/25
OGOS	23/8/25	13 & 14/8/25	OGOS	8 & 9/8/25	12/8/25	OGOS	14 & 25/8/25	29/8/25
SEPT		1 & 2/9/25	SEPT		15/9/25	SEPT		26/9/25
OKT		22, 23/10/25	OKT		28/10/25	OKT		27/10/25
NOV	15/11/25	3, 4/11/25	NOV		19/11/25	NOV	14, 27/11/25	25/11/25
DIS		10, 11/12/25	DIS	31/12/25	25/12/25	DIS		26/12/25

Kemaskini sehingga 31 Disember 2025

5.0 LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

5.5 JALINAN STRATEGIK & AKTIVITI UMUM



LAWATAN TAPAK PROJEK PEMBINAAN PUSAT DIALISIS LZS-YIDE DI MASJID AR-RAUDHAH, PUNCAK PERDANA

SHAH ALAM | 8 Oktober 2025 - Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), Prof. Dr. Azreen Syazril Bin Adnan, bersama Pengurus Besar YIDE, YBr. Nur Mohd Razali bin Abdullah, telah mengadakan lawatan tapak ke projek pembinaan Pusat Dialisis LZS-YIDE di Masjid Ar-Raudhah, Puncak Perdana. Turut hadir ialah Pengurus Bahagian Perancangan & Pengurusan YIDE, Encik Md. Arifin bin Jaafar, serta wakil Pengurusan Masjid Ar-Raudhah.

Lawatan ini bertujuan meninjau perkembangan semasa pembangunan projek yang kini telah mencapai 30% siap. Pasukan pelaksana turut berkongsi laporan kemajuan dan perancangan seterusnya bagi memastikan projek berjalan lancar mengikut jadual.

Projek pembangunan Pusat Dialisis LZS-YIDE ini melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM4.1 juta, dan kini baki dana berjumlah sekitar RM600,000 masih diperlukan bagi menampung kos pembinaan dan kelengkapan pusat berkenaan.



HARI TERBUKA PUSAT DIALISIS MAIS CAWANGAN SUNGAI BESAR

SUNGAI BESAR | 20 Disember - Pusat Dialisis MAIS Cawangan Sungai Besar di bawah seliaan Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menganjurkan Program Hari Terbuka bagi mendekati masyarakat setempat serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penjagaan kesihatan buah pinggang.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YBr. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dan turut dihadiri orang ramai di sekitar Sungai Besar termasuklah pesakit dialisis, ahli keluarga serta wakil PDM Sungai Besar.

Antara aktiviti menarik yang dijalankan hari ini:

- Pemeriksaan Kesihatan Buah Pinggang PERCUMA (kerjasama Primalab Sdn Bhd)
- Pendaftaran Dialisis – 10 slot kosong ditawarkan
- Pendaftaran Anak Yatim (0-15 tahun)
- Booth permainan & aktiviti berbentuk edukasi kesihatan

KEMPEN SUMBANGAN RM50 – BANTUAN KEWANGAN DIALISIS

Turut dilancarkan bagi membantu pesakit dialisis menampung kos ujian darah dan ubat-ubatan tambahan.

Terima kasih kepada semua yang hadir dan menyokong usaha kebajikan ini. Semoga program ini memberi manfaat berterusan kepada masyarakat setempat.



6.0

LAPORAN BAHAGIAN AUDIT DALAMAN & RISIKO

6.1 Jalinan Strategik dan Aktiviti Umum



6.0 LAPORAN BAHAGIAN AUDIT DALAMAN, RISIKO DAN INTEGRITI

6.1 JALINAN STRATEGIK & AKTIVITI UMUM



SESI PENYERAHAN PERAKUAN DAN PANDANGAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGAUDITAN SYARIKAT SUBSIDIARI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS) MELALUI SISTEM E-SELF AUDIT 2025

3 OKTOBER 2025 | PUTRAJAYA - YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara (KAN), telah menyerahkan Perakuan dan Pandangan Ketua Audit Negara bagi Pengauditan Syarikat melalui Sistem e-SelfAudit Tahun 2025 pada 3 Oktober 2025 di Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara.

Majlis penyerahan ini melibatkan empat syarikat subsidiari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), iaitu:

- Bakti Suci Holdings Sdn. Bhd.
- Universiti Islam Selangor Sdn. Bhd.
- Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd.
- Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE)

Sesi ini disaksikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Mazlan bin Mansor, Timbalan Pengerusi MAIS merangkap Pengerusi Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), serta YAD Dato' Setia Dr. Haji Anhar bin Haji Opir, Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor.

YIDE diwakili oleh Pengurus Besar, Encik Nur Mohd Razali Bin Abdullah, manakala syarikat-syarikat lain turut diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Naib Canselor masing-masing.

Turut hadir pegawai kanan Jabatan Audit Negara:

- YBr. Puan Raftah binti Ibrahim, Pengarah Audit Syarikat
- YBr. Dr. Nor Haiza binti Abd Aziz@Juned, Pengarah Audit Negeri Selangor

Pelaksanaan e-SelfAudit yang diperkenalkan awal tahun 2025 bertujuan memperkukuh budaya tadbir urus dan pematuhan audit dalam pengurusan syarikat Kerajaan, melibatkan 1,856 syarikat di peringkat Persekutuan dan Negeri.

YIDE akan terus komited terhadap integriti, ketelusan dan kecekapan dalam setiap aspek pengurusan demi manfaat ummah.

6.0 LAPORAN BAHAGIAN AUDIT DALAMAN, RISIKO DAN INTEGRITI

6.1 JALINAN STRATEGIK & AKTIVITI UMUM

YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (AGENSI MAIS) PERKUKUHKAN KOMPETENSI JURUAUDIT DALAMAN (KUALITI) MELALUI KURSUS AUDIT DALAMAN BERSAMA PAISLEY CONSULTING SDN. BHD. (PCSB)

Shah Alam, 30 Oktober 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menganjurkan Kursus Audit Dalaman (Kualiti) melibatkan semua kakitangan, Ibu Pejabat YIDE dan Ketua Jururawat di enam (6) Pusat Dialisis MAIS (PDM) dengan kerjasama Paisley Consulting Sdn. Bhd. (PCSB).

Penganjuran kursus ini bertujuan memperkukuhkan kompetensi dan kefahaman peserta terhadap pelaksanaan audit dalaman yang berkesan, sejajar dengan usaha YIDE ke arah akreditasi pensijilan MS ISO 9001 (Quality Management System - QMS), ISO 37001 (Anti-Bribery Management System - ABMS) dan MS 1900 (Shariah-Based Management System). Melalui program ini, para peserta didedahkan kepada prinsip, teknik dan keperluan pelaksanaan audit dalaman berasaskan piawaian antarabangsa, bagi memastikan keberkesanan sistem pengurusan kualiti, integriti dan pematuhan Syariah dalam operasi YIDE.

Langkah ini juga memperkukuhkan pengurusan dana awam yang berintegriti serta memastikan setiap agihan sumbangan, bantuan dan perkhidmatan kebajikan dilaksanakan secara telus, berakuntabiliti dan menepati prinsip tadbir urus Islam. Di samping itu, penekanan terhadap aspek pengurusan Pusat Dialisis MAIS (PDM) yang patuh Syariah menjadi keutamaan bagi menjamin keberkatan dan keberkesanan perkhidmatan kepada pesakit.



7.0 AKAUN SUMBANGAN YIDE

Sumbangan anda boleh disalurkan ke akaun:
YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN



1223 4010 0188 25

BANK ISLAM



5621 0686 6637



2626 2500 0114 39

RHB Islamic



1005 0540 0000 4293



Setiap sumbangan anda layak menerima Pengecualian Cukai Pendapatan & Potongan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967

**Untuk maklumat lanjut hubungi :
03 - 3345 990 (Ibu Pejabat)**

(Talian Hotline)

017 - 756 9478

Encik Akmal

012-774 9452

Encik Zabidi

017-756 9451

Encik Haziq



YAYASAN ISLAM
D A R U L E H S A N

NO 3, Jalan Keluli Am7/Am, Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor

•Tel : 03-3345 9900 •Email :info@yide.com.my
•Website : www.yide.com.my